



PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM.PEND.100-1/5/1(10)

Tarikh : 25 Ogos 2023

**PEKELILING PERKHIDMATAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling Pendaftar ini dikeluarkan bagi melaksanakan penetapan Kerajaan berhubung pemeraksanaan penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi di Universiti Putra Malaysia (UPM).

LATAR BELAKANG

2. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi soal jawab di Dewan Negara pada 23 Mac 2022 dan Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu pada 22 Mei 2022 telah menetapkan supaya Bahasa Melayu dimantapkan penggunaannya dalam perkhidmatan awam.

3. Selaras dengan ketetapan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat edaran nombor rujukan JPA.(S).100-1/3/3 (8) bertarikh 9 Ogos 2022 telah memperkenalkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) di bawah skop Pentadbiran Organisasi (PO) Panduan Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat Ceraian PO.1.1.1: Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Perkhidmatan Awam untuk memberi penekanan terhadap penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi perkhidmatan awam termasuk yang melibatkan penyertaan bukan warganegara.

4. UPM telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam mulai 15 Januari 2020 sebagai Pekeliling Perkhidmatan Universiti Putra Malaysia melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti MINIT 140/05.

PELAKSANAAN

5. Mulai tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, Ceraian PO.1.1.1 (UPM) pemeraksanaan penggunaan Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia hendaklah

diguna pakai dalam semua urusan rasmi UPM selagi tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan atau undang-undang semasa yang berkuat kuasa.

6. Walau bagaimanapun, Bahasa Inggeris masih boleh digunakan dalam keadaan tertentu atas keperluan perundangan dan juga sebarang urusan yang boleh menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan.

7. Bagi mendepani cabaran masa kini dan masa hadapan, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris perlu dimantapkan penguasaannya dalam kalangan pegawai UPM. Pendekatan ini penting bagi memastikan perkhidmatan UPM kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mendokong pengukuhan serta kemampanan ekonomi negara.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa serta merta mulai 1 Januari 2023.

PEMAKAIAN

9. Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia Ke-171 bertarikh 21 Jun 2023 melalui Minit 171/14 telah bersetuju menerima pakai dengan pindaan terhadap pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian Pentadbiran Organisasi PO.1.1.1: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pekeliling Perkhidmatan Universiti Putra Malaysia Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi di Universiti Putra Malaysia Ceraian Pentadbiran Organisasi PO.1.1.1 (UPM).

PEMBATALAN

10. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Universiti Putra Malaysia: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

**PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PERKHIDMATAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan memperjelaskan arahan penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi Universiti Putra Malaysia (UPM).

TAKRIF

2. Bagi maksud Ceraian ini:
- a. **“Naib Canselor”** ertinya Naib Canselor UPM yang dilantik di bawah seksyen 12. Perlembagaan UPM (P.U.(A) 448/2010);
 - b. **“Ketua Pusat Tanggungjawab”** ertinya ketua bagi suatu entiti utama akademik, pentadbiran atau perkhidmatan yang ditubuhkan dalam UPM termasuklah fakulti, sekolah, institut, akademi, pejabat, pusat atau selainnya sebagaimana yang ditubuhkan oleh UPM;
 - c. **“pekerja universiti”** ertinya pekerja di bawah Seksyen 2 dalam Perlembagaan Universiti Putra Malaysia (P.U.(A) 448/2010); dan
 - d. **“terjemahan”** ertinya cara (gaya, kaedah) menterjemah seperti lisan dan bukan lisan sama ada dalam bentuk digital atau cetakan.

LATAR BELAKANG

3. Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 152(1)(a) dan (b) telah menjelaskan seperti berikut:

(1) Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa-

- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan

- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Selain itu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32] menyatakan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud urusan rasmi, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta tersebut dan tertakluk perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152 (1) (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan di atas berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia. Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi dalam beberapa keadaan yang diberikan pengecualian.

4. Dalam usaha untuk memastikan penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020: Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam, yang kemudiannya dikenali dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Pentadbiran Organisasi (PO) Ceraian Panduan Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat PO.1.1.1: Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam.

5. (a) Kerajaan pada Mac 2022 telah menetapkan supaya Bahasa Melayu dimartabatkan penggunaannya pada peringkat antarabangsa. Selaras dengan ketetapan itu, penggunaan bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam dimantapkan melalui Ceraian PO.1.1.1: Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Perkhidmatan Awam. Secara umumnya, Ceraian ini menekankan keperluan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi seperti persidangan, konvensyen, majlis istiadat, seminar, bengkel, kursus, mesyuarat, lawatan dan sebagainya termasuk yang melibatkan penyertaan bukan warganegara Malaysia.

(b) Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia Ke-171 bertarikh 21 Jun 2023 melalui Minit 171/14 telah bersetuju menerima pakai Ceraian PO.1.1.1: Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam yang disebutkan di para 5.(a) untuk dilaksanakan di UPM dengan pindaan seperti yang dinyatakan melalui Ceraian PO.1.1.1 (UPM).

PELAKSANAAN

6. Bagi memartabatkan dan memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia, Naib Canselor hendaklah memastikan Ketua Pusat Tanggungjawab dan pekerja universiti menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dalam semua urusan rasmi UPM berdasarkan panduan berikut:

6.1. Urusan Rasmi di Dalam dan Luar Negara

Semua urusan rasmi di dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh UPM seperti persidangan, konvensyen, majlis istiadat, seminar, bengkel, kursus, mesyuarat, lawatan dan sebagainya hendaklah menggunakan Bahasa Melayu yang melibatkan acara utama seperti ucap tuma, ucapan perasmian, sesi temu bual (forum, bual bicara) dan sidang media. Contoh situasi adalah seperti berikut:

a. Situasi pertama (dalam negara)

Urusan rasmi di Malaysia dan hanya dihadiri oleh warga Thailand. Penyampaian sepenuhnya dalam Bahasa Melayu dan terjemahan dalam Bahasa Thailand. Namun sekiranya tiada kepakaran dalam Bahasa Thailand, terjemahan dalam Bahasa Inggeris boleh digunakan.

b. Situasi kedua (dalam negara)

Urusan rasmi di Malaysia dan dihadiri oleh pelbagai warganegara. Penyampaian sepenuhnya dalam Bahasa Melayu dan terjemahan dalam Bahasa Inggeris.

c. Situasi ketiga (luar negara)

Urusan rasmi di Thailand dan dihadiri oleh warga Thailand. Penyampaian sepenuhnya dalam Bahasa Melayu dan terjemahan dalam Bahasa Thailand. Namun sekiranya tiada kepakaran dalam Bahasa Thailand, terjemahan dalam Bahasa Inggeris boleh digunakan.

d. Situasi Keempat (luar negara)

Urusan rasmi di Thailand dan dihadiri oleh pelbagai warganegara. Penyampaian sepenuhnya dalam Bahasa Melayu dan terjemahan dalam Bahasa Inggeris.

6.2. Surat Rasmi di Dalam dan Luar Negara

Surat-menyurat rasmi di dalam dan luar negara oleh Pusat Tanggungjawab sama ada menghantar atau membalas hendaklah menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya dan dilampirkan dengan terjemahan dalam Bahasa Inggeris sekiranya tiada kepakaran dalam bahasa ibunda negara berkenaan.

6.3. Dokumen Perjanjian di Dalam dan Luar Negara

Dokumen perjanjian UPM di dalam dan luar negara oleh Pusat Tanggungjawab hendaklah menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya.

Dokumen perjanjian dengan negara atau agensi luar negara hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dan dilampirkan dengan terjemahan dalam Bahasa Inggeris, sekiranya tiada kepakaran dalam bahasa ibunda negara atau agensi luar berkenaan.

TANGGUNGJAWAB PEKERJA UNIVERSITI

7. Bagi memastikan penggunaan Bahasa Melayu dalam perkhidmatan UPM dapat ditingkatkan, semua pekerja universiti hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dalam semua urusan rasmi sama ada secara lisan atau bukan lisan. Sehubungan itu, pekerja universiti hendaklah sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam Bahasa Melayu. Latihan dan pembangunan kompetensi boleh diperoleh dari agensi atau badan profesional yang bersesuaian berdasarkan keperluan Pusat Tanggungjawab dan pekerja universiti.

TANGGUNGJAWAB NAIB CANSOLOR DAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

8. Naib Canselor perlu memastikan semua pekerja universiti mempunyai tahap penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu yang baik dari segi aspek lisan dan bukan lisan. Pemantauan, penilaian dan pengauditan secara berkala wajar dilaksanakan mengikut keperluan dengan merujuk kepada agensi atau badan profesional yang sesuai.

9. Naib Canselor dan Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan setiap urusan rasmi anjuran Pusat Tanggungjawab masing-masing menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya. Persediaan serta tindakan proaktif seperti menyediakan kemudahan, perkhidmatan penterjemahan, peruntukan kewangan dan sebagainya hendaklah diambil sewajarnya bagi memastikan arahan di atas dapat dilaksanakan.

TARIKH KUAT KUASA

10. Ceraian UPM ini berkuat kuasa mulai tarikh ceraian ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Ceraian UPM ini pada keseluruhannya diterima pakai sekiranya pelaksanaan ceraian ini tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan atau undang-undang semasa yang berkuat kuasa.

12. Walau apa-apa pun yang terdapat dalam Ceraian UPM ini, penggunaan Bahasa Melayu adalah tertakluk pada pengecualian yang dinyatakan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta 32.

13. Naib Canselor juga hendaklah memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa diberi keutamaan, efektif serta berimpak selari dengan fungsi UPM. Sehubungan itu, Bahasa Inggeris masih boleh digunakan dalam keadaan tertentu atas keperluan perundangan dan juga dalam sebarang urusan yang boleh menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan.

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

Tarikh kuat kuasa: 1 Januari 2023